

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (OTI 1)
TINGKATAN EMPAT 2011****1103/2****BAHASA MELAYU****Kertas 2****Mei 2011****2 $\frac{1}{2}$ jam****Dua jam tiga puluh minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara untuk membendung gejala sosial dan kekangan dalam mengatasi masalah sosial remaja. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Masalah sosial remaja pada masa ini berada pada tahap yang membimbangkan. Krisis akhlak dan moral remaja bermula daripada pergaulan bebas remaja, perlakuan seks bebas, rogol, sumbang mahram, sehingga membawa kepada pembuangan bayi. Faktor keruntuhan akhlak remaja boleh dikatakan berpunca daripada ketidakcukupan asuhan, perhatian dan kawalan ibu bapa. Remaja yang bermasalah ini bukan saja berasal daripada keluarga miskin, malah remaja yang berlatarbelakangkan keluarga yang kaya dan baik juga turut terbabit.

Peranan ibu bapa itu sendiri haruslah bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi. Hal ini kerana kanak-kanak amat memerlukan bimbingan dan perhatian ibu bapanya dalam membentuk keperibadian mereka. Pada peringkat remaja, mereka akan mula berdikari dan cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi. Oleh itu, ibu bapa dan adik-beradik yang lain haruslah memainkan peranan yang penting dalam membantu perkembangan mereka agar tidak terjerumus ke lembah maksiat. Ibu bapa juga sewajarnya bersikap terbuka dan bersedia mendengar segala masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Nilai-nilai murni harus ditonjolkan supaya anak-anak dapat membezakan antara baik dengan buruk tentang sesuatu perkara.

Masyarakat yang terdiri daripada rakan sebaya, jiran tetangga, guru mahupun pemimpin mempunyai peranan tersendiri dalam membantu remaja daripada terlibat dalam gejala sosial. Rakan sebaya merupakan orang kedua paling rapat dengan anak-anak selepas ibu bapa. Oleh itu, rakan-rakan sebaya perlu memainkan peranan dengan memberikan nasihat dan panduan yang baik serta menjadi pendengar dan penyimpan rahsia yang boleh dipercayai. Sebagai jiran pula, mereka seharusnya tidak mementingkan diri sendiri tanpa mempedulikan hal orang lain. Mereka sekurang-kurangnya boleh menegur sesuatu yang tidak baik serta bertentangan dengan amalan agama dan moral yang dilakukan. Biarlah dianggap menjaga tepi kain orang, asalkan kemungkaran dapat dihindari.

Warga sekolah juga wajar memainkan peranan dalam mencorakkan keperibadian dan akhlak bakal pemimpin negara kelak. Harapan tinggi agar generasi yang bakal memerintah negara kelak bukan saja bagus dari segi kepimpinannya, malah cemerlang akhlak dan moral dirinya. Pihak sekolah boleh mengadakan ceramah yang dapat *membibitkan kesedaran* tentang keburukan terlibat dalam gejala sosial. Gejala ini dapat dibendung sekiranya kita sebagai anggota masyarakat, bersama-sama berganding bahu membasminya.

(Diubahsuaikan daripada *Berganding Bahu Bendung Gejala Sosial*, Siti Zawiyah Mat Jamil, Berita Harian, 7 April 2011)

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]****Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *membibitkan kesedaran*. [2 markah]
- (ii) Apakah peranan rakan sebaya untuk membantu remaja daripada terlibat dengan gejala sosial? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah keadaan negara sekiranya gejala sosial dalam kalangan remaja tidak dapat dibendung? [4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mikraj menuruni anak tangga dengan penuh hati-hati. Maklumlah rumah Wah sudah uzur. Hujan panas berjaya ditangkis begitu juga dengan El Nino serta La Nina. Rumah inilah yang menyaksikan kehidupan Wah yang sebenarnya sekali gus menyimpan sejuta rahsia hati Wah.

Tanggal 4 Oktober yang lalu beberapa orang dari Majlis Daerah datang ke rumah Wah. Mereka ingin membeli rumah Wah untuk dijadikan satu daripada pusat pelancongan. Wah menolak kerana masih berpegang pada amanah ibunya. Wah juga dibantu oleh Lebai Saleh dalam memberi alasan yang munasabah agar pihak tersebut tidak berkecil hati.

Ketika Wah masih remaja (tidak seperti remaja pada masa kini), Lebai Saleh pernah bertakhta di hati Wah. Tetapi mereka terpisah setelah Lebai Saleh mengaji di Mesir. Mereka berjumpa semula, tetapi waktu itu Lebai Saleh sudah beristeri dan beranak tiga. Manakala Wah sudah menjadi milik Firdaus Frank, anak buah Frank Swettenham. Wah wanita tabah. Sewaktu kandungannya masuk sembilan bulan tiga hari, suaminya meninggal dunia, iaitu sebelum pa lahir. Wah memang cekal. Persis Siti Maryamkah atau Siti Hajar?

Mikraj tersentak daripada lamunan yang melangit ketika Wah mengacannya. Mikraj mengusik Wah, Wah memicit hidung Mikraj. Mikraj mengenyit mata, Wah memuncungkan mulutnya. Mikraj senyum, Wah ketawa tetapi ketawa Wah Cuma tiga dekah. Kata Wah jika ketawa lebih-lebih gelap hati jadinya. Intim sungguh mereka berdua. Israk mengintai dari jendela. Perasaan cemburu tidak berputik sekelumit pun dalam dirinya.

(Dipetik daripada cerpen 'Israk'
oleh Erda Roslan Khairi dalam antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan wujudnya kemesraan antara Wah dan Mikraj?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah tindakan yang boleh diambil untuk memajukan rumah Wah sebagai satu daripada pusat pelancongan?
Nyatakan tiga tindakan tersebut.
[3 markah]
- (iii) Jelaskan dua perwatakan Wah berdasarkan petikan di atas dan satu perwatakan Wah berdasarkan keseluruhan cerpen tersebut.
[4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Puteri Betong mempunyai sehelai rambut berwarna keemasan di tengah kepalanya, tetapi ia tidak diketahui suaminya sehinggalah pada suatu hari, terlihat suaminya ketika puteri sedang menyikat rambut.

Kata Merah Gajah kepada isterinya, “Wah adinda, mari hamba bantunkan rambut tuan puteri yang sehelai itu!”

Jawab tuan puteri itu, “Jika rambut hamba sehelai itu dicabut oleh tuan hamba, *alamat perceraian* tuan hamba dengan hamba.”

Beberapa kali diminta oleh Merah Gajah untuk mencabut rambut itu, tetapi tidak dibenarkan oleh isterinya. Pada suatu hari, semasa isterinya sedang tidur, Merah Gajah mencabut rambut isterinya yang berwarna keemasan itu. Baginda menyangka tiada apa-apa yang akan berlaku. Apabila rambut itu tercabut, keluarlah darah dari liang rambut. Sebaik sahaja darahnya berhenti maka Puteri Betong pun hilanglah.

Orang suruhan Merah Gajah segera memberitahu ayahanda Raja Muhammad. Ujar hamba sahaya itu, “Ya tuanku, paduka anakanda tuan kami. Puteri Betong telah hilanglah sebab dibantunnya oleh Merah Gajah sehelai rambutnya di tengah kepalanya!” Setelah Raja Muhammad mendengar khabar inang itu baginda merasa amat marah. Baginda menghimpunkan segala askar pergi mendapatkan Merah Gajah lalu dibunuhnya.

Setelah Merah Gajah mati, segera orang memberitahu ayahanda Merah Gajah, Raja Ahmad. Kata mereka, “Wah tuanku paduka, anakanda Merah Gajah itu telah mati dibunuh oleh mentuanya sebab ia membantunkan rambut sehelai yang di tengah-tengah kepala Puteri Betong! Pada fikiran anakanda Merah Gajah perbuatannya itu tiada akan mati Puteri Betong kerana mencabut rambut yang berwarna keemasan itu.”

(Dipetik daripada ‘Merah Silu’,
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *alamat perceraian*? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah Puteri Betong menemui ajalnya? [2 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah Raja Muhammad membunuh Merah Gajah yang dikatakan menjadi punca kematian anakandanya, Puteri Betong? Berikan tiga alasan anda. [4 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Perpustakaan

Melangkah ke ruangmu
 Satu pertukaran yang kontras
 Dari kehangatan merata
 Ke kedinginan yang menerpa
 Terlalu hening di sini
 Gua pendeta bersemadi
 Di puncak sepi
 Di sana sini
 Kepala-kepala runduk meneliti
 Mata dan fikir bersebat

Bersemadi di sini
 Aku adalah pelayar yang dahaga
 Di dada samudera
 Tak berpantai
 Betapapun kuteguk darinya
 Dahaga tak pernah langcai

(Dipetik daripada *Antologi Harga Remaja*,
 Dewan Bahasa dan Pustaka)

Maju ke ruang buku
 Terlalu kerdil aku di sini
 Terapung di laut ilmu
 Tercurah berzaman
 Dalam tak terselam
 Betapapun kulayari
 Bahtera ilmu di sini
 Tak terteroka
 Yang akan kucatat
 Hanya setitik dari tinta
 Yang akan kupetik
 Hanya sebiji dari mutiara
 Engkau adalah pusaka moyang
 Gedung peradaban insan
 Terhimpun berzaman

- (i) Jelaskan maksud *rangkap kedua* sajak di atas. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah remaja kini kurang gemar mengunjungi perpustakaan? [3 markah]
- (iii) Berikan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) ambil
- (ii) ambilan
- (iii) pengambil
- (iv) balik
- (v) berbalik
- (vi) terbalik

[6 markah]

- (b) *Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian tukar ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

Aktiviti sukan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan sosial. Para atlet dapat memupuk hubungan kaum tanpa mengira perbezaan agama dan budaya. Oleh itu, para pelajar perlu menggiatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang telah dirancang. Mereka akan menunjukkan semangat pertandingan yang sihat dan muhibah ketika bersukan. Sama ada menang atau kalah secara tidak langsung akan dapat melahirkan rakyat yang berwibawa. Ibu bapa perlu menyokong penglibatan anak-anak mereka dalam apa-apa juga aktiviti kokurikulum.

[6 markah]

- (c) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

Dalam kehidupan manusia yang terlalu sibok dengan pelbagai urusan pada hari ini, banyak orang selalu mengata bahawa mereka tidak ada masa untuk membaca. Dalam hal ini, pelbagai alasan dicipta untuk mewajarkan tindakan tersebut. Barangkali amalan membaca hanya dilakukan apabila ujud keperluan tertentu, untuk lulus peperiksaan bagi kebanyakan pelajaran atau untuk menduduki ujian kenaikan pangkat bagi kebanyakan pekerja. Banyak orang yang masih tidak sedar bahawa sikap malas membaca ialah melangkah menuju kemiskinan dan kepapaan minda.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Demi untuk kepentingan sekolah, marilah kita berganding bahu untuk merebak masalah gejala ponteng dalam kalangan pelajar.
 - (ii) Menteri Besar Terengganu berasa sangat gembira lantaran perjumpaan singkat antara dia dengan masyarakat di Kijal telah berlangsung dalam suasana ramah-tamah.
 - (iii) Tengku Munir amat sukakan aktiviti sukan yang mencabar mental dan fizikal, terutamanya memanjat gunung dan sukan berkuda.

[6 markah]

- (e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa berikut.*
- (i) Melentur buluh biarlah dari rebungunya.
 - (ii) Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.
 - (iii) Terang hati.

[6 markah]

Soalan 4: Novel**[15 markah]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel **Renyah** karya Gunawan Mahmood.*

- (a) Tema memainkan peranan penting untuk menarik perhatian pembaca. ^{10/11}
Jelaskan tema novel yang anda pelajari. [7 markah]
- (b) Pengarang selalu menggambarkan watak utama sebagai seorang yang istimewa.
Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan tiga perwatakan watak utama seperti yang terdapat dalam novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT